



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK



KENYATAAN TAWARAN (PELAN CADANGAN PEMBANGUNAN)

Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHHP) mempelawa Pencadang/ Syarikat/ Pertubuhan yang berkeelayakan untuk mengemukakan pelan cadangan pembangunan bagi projek berikut:

No. Rujukan Tender	Tajuk Projek	Tarikh dan Waktu Berkumpul Untuk Taklimat Dan Lawatan Tapak	Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen Senaskhah	Tarikh dan Waktu Tutup Tawaran
3/2023	Cadangan Secara <i>Request For Proposal</i> (RFP) Bagi Pembangunan Bercampur Secara Usahasama Di Atas Tanah LPHHP PT 287037 Dan PT 287038 Seluas 9.946 Ekar Di Wilayah Buntong, Bandar Ipoh (S), Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan.	18 Julai 2023 (Selasa) 10.00 pagi	18 Julai 2023 (Selasa) hingga 31 Julai 2023 (Isnin)	RM1000.00	30 Ogos 2023 (Rabu) 12.00 tengah hari

Tempat berkumpul untuk taklimat dan lawatan tapak adalah di Pejabat LPHHP, No. 16 dan 18, Jalan Meru Impian A1, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh Perak.

Syarikat mesti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Pertubuhan mesti berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) dan dimiliki sepenuhnya oleh warganegara Malaysia serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini.

Pencadang/ Syarikat/ Pertubuhan **diwajibkan** menghadiri taklimat sebelum membeli dokumen *Request for Proposal* (RFP) dan dikehendaki membawa perakuan/ sijil pendaftaran **asal** Syarikat/ Pertubuhan beserta satu (1) salinan sijil tersebut untuk simpanan LPHHP. Hanya penama yang tercatat dalam perakuan/ sijil pendaftaran Syarikat/ Pertubuhan dibenarkan menghadiri taklimat.

Dokumen meja RFP boleh disemak dan dokumen RFP boleh diperoleh di Pejabat LPHHP, No. 16 dan 18, Jalan Meru Impian A1, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh Perak pada hari bekerja seperti tarikh jualan yang dinyatakan mulai jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang (Isnin hingga Khamis) dan jam 9.00 pagi hingga 12.15 tengahari dan 2.45 petang hingga 4.30 petang (Jumaat).

Bayaran bagi dokumen RFP hendaklah dibuat dalam bentuk **deraf bank/ kiriman wang/ wang pos** atas nama **Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak**. Dokumen hanya akan dikeluarkan kepada wakil Syarikat/ Pertubuhan yang sah. Wakil Syarikat/ Pertubuhan dikehendaki membawa perakuan/ sijil pendaftaran **asal** Syarikat/ Pertubuhan untuk tujuan pembelian dokumen RFP.

Dokumen RFP dan tawaran cadangan pembangunan yang lengkap hendaklah dikumpulkan dalam satu sampul surat berlakri dan ditulis tajuk projek serta dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di **Pejabat LPHHP, No. 16 dan 18, Jalan Meru Impian A1, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh Perak**.